

BAB KEEMPAT

PENGANALISAAN DATA

4.1 RIWAYAT HIDUP TUK SYEIKH DUYUNG

4.1.1 Pengenalan Peribadi

Tuk Syeikh Duyung atau nama sebenarnya Wan Abdullah bin Wan Mohd. Amin telah diputerakan di Kampung Chabang Tiga, Pattani lebih kurang dalam tahun 1802.¹ Beliau lebih dikenali oleh masyarakat tempatan dan golongan istana dengan gelaran 'Tuk Syeikh Duyung' yang dinisbahkan kepada pulau yang menjadi tempat kediamannya dan tempat beliau menjalankan aktiviti pengajaran agamanya iaitu di Pulau Duyung yang terletak di Kuala Terengganu. Menurut cerita Pulau Duyung nama lamanya ialah Pulau Peria.² Berdekatan Pulau Duyung terdapat beberapa pulau, antaranya Pulau Ketam, Pulau Duyung Kecil, Pulau Wan Man dan Pulau Siah. Pulau Duyung sejak dulu lagi terkenal sebagai tempat lahirnya ulama-ulama dengan pengajaran agamanya seperti Syeikh Abdul Kadir dan terus turun temurun diwarisi oleh keturunan Tuk Syeikh Duyung sehingga sekarang.

Gelaran 'Tuk Syeikh Duyung' ini terdapat pada setiap kitab miliknya terutama kitab yang dihadiahkan oleh Sultan Baginda Omar kepada

¹ Lihat Mohammad Bin Abu Bakar, Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin, Pesaka IV, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Cetakan Pertama, 1987, hal. 89.

² Wawancara dengan Wan Ali bin Awang, pada 20hb. Nov., 1989, Pulau Duyung Besar, Kuala Terengganu.

beliau yang berupa cap gelaran . pada setiap buku miliknya. Cap gelaran beliau juga terdapat pada surat waqaf Baginda Sultan Omar yang telah diwujudkan semasa pemerintahannya.³

Asal usul keturunan Tuk Syeikh Duyung adalah dari keturunan Pattani. Beliau ialah anak tunggal kepada seorang ulama Pattani yang telah melarikan diri ke Terengganu dari kezaliman pemerintah Siam. Beliau yang dimaksudkan itu ialah Tuk Syeikh Qadi atau nama sebenarnya Wan Mohd. Amin bin Wan Yacob dan bonda bernama Wan Aminah binti Wan Derhamad. Ayahanda dan bondanya berasal dari susur galur keturunan yang sama iaitu dari Nakhoda Wangkang dan Puteri Laksamana Johor dan berketurunan Fakih Ali Malbari.⁴ Neneknya Wan Salamah ialah isteri kepada seorang pembesar Kerajaan Pattani, dikatakan mempunyai lelangit hitam,⁵ sangat disegani dan kuat beribadat.

Tuk Syeikh Duyung semasa hayatnya merupakan tokoh agama yang disegani dan hormati oleh ulama-ulama sezamannya dan mendapat perhatian besar dari Sultan dan pihak istana dengan kealimannya dalam bidang agama terutama dalam perundangan Islam. Beliau telah sempat ber-

³Lihat lampiran I

⁴Wawancara dengan Dato' Haji Muhammad Salleh Haji Awang, pada 17hb. November, 1989, di Kampung Serada, Kuala Terengganu dan Dato' Perba Diraja, pada 22hb. November 1989, di Pasir Panjang, K. Terengganu.

⁵Seseorang yang 'berlangit hitam' dianggap bertuah dan percakapannya dituruti oleh pendengar, kenyataan dari Dato' Perba Diraja.

khidmat kepada tiga pemerintah Terengganu, sejak Sultan Baginda Omar hingga kepada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, tetapi malangnya semasa pemerintahan Sultan Ahmad II maklumat perkhidmatan Tuk Syeikh Duyung tidak diperolehi. Walau bagaimanapun menurut riwayat hidup beliau sempat berkhidmat kepada Sultan Baginda Omar (1839-1876), Sultan Ahmad II (1839-1881) dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919).

Semasa hidupnya beliau telah mengabdikan hidupnya kepada masyarakat, negeri Terengganu dan kepada Islam khususnya. Tuk Syeikh Duyung telah menyemarakkan lagi tradisi keilmuan di Terengganu dengan membuka tempat pengajian ilmu Islam di Pulau Duyung di samping tempat-tempat lain seperti di Losong, Paloh, Pulau Manis dan Bilit Bayas, semuanya terletak di Kuala Terengganu. Terengganu pada pemerintahan Sultan Baginda Omar telah dikenali dengan nama "Terengganu Darul-Salam" (Negeri yang Sejahtera)⁶ dan ketika Tuk Syeikh Duyung berkhidmat kepada Sultan Zainal Abidin III, Negeri Terengganu dikenali pula dengan gelaran "Terengganu Darul-Iman" (Negeri orang-orang yang beriman).⁷ Sebagaimana Aceh di zaman kemuncaknya, Terengganu juga pada masa itu mendapat nama jolokan sebagai "Serambi Mekah".⁸ Semasa Terengganu diperintah oleh ketiga-tiga Sultan Terengganu, beliau telah memainkan peranan

⁶ Mohd Salleh bin Haji Awang, Mengkaji Sejarah Terengganu, Jilid II, Al-Ahmadiyah Press, Singapura, 1955, hal.63.

⁷ Ibid., Jilid I, hal.23.

⁸ Kenyataan daripada Dato' Perba Diraja

penting dalam pentadbiran kerajaan Terengganu dan mempengaruhi corak pentadbiran Kerajaan Terengganu yang lebih mengarah kepada bentuk pentadbiran dan pemerintahan Islam. Beliau bukan sahaja menjadi penasihat kepada Sultan, sebagaimana yang pernah dilalui oleh ulama-ulama sebelumnya, tetapi beliau juga dilantik sebagai Qadi dan Mufti serta di waktu yang sama telah diberi kepercayaan memegang kuasa 'waqaf' yang diberikan oleh Baginda Sultan Omar dan juga menjadi 'penasihat politik' semasa "Perang Besut 1874"⁹ dan dalam pertelingkahan antara Wan Ahmad dan Wan Mutahir pada 1857.¹⁰

Tuk Syeikh Duyung telah berkahwin dengan seorang perempuan Losong, bernama Wan Selamah. Ketika itu beliau masih menuntut dan sentiasa berulang-alik ke Mekah. Malangnya isterinya telah meninggal. Tetapi kemudiannya beliau telah berkahwin pula dengan seorang perempuan Cina Islam bernama Cik Aminah atas desakan Baginda Sultan Omar. Tuk Syeikh Duyung tidak memperolehi anak dengan Cik Aminah. Hasil perkongsian hidupnya dengan Wan Selamah, beliau telah dianugerahkan Tuhan tujuh orang anak, iaitu Wan Abdul Kadir atau digelar 'Tuk Kaya Duyung', Wan Daud (cucunya Wan Abdullah bergelar Datuk Biji Sura Diraja Terengganu), Wan Abd. Rahman, Wan Muhammad yang kemudiannya menjadi Mufti Terengganu menggantikan beliau dan seorang tokoh yang terkenal pada

⁹ Lihat Buyung Adil, "Sejarah Terengganu," Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hal. 126-128.

¹⁰ Lihat Mohammad b. Abu Bakar, op.cit., hal. 97.

zaman Sultan Zainal Abidin III, Tuk Kaya Wan, Wan Hitam dan Wan Mariam.¹¹

Tuk Syeikh Duyung atau Wan Abdullah bin Wan Mohd. Amin telah meninggal dunia pada jam empat petang, hari Khamis, 24haribulan Februari, 1889 bersamaan hari Khamis 12Jamadil Akhir, 1306 Hijrah. Kematian Tuk Syeikh Duyung merupakan kehilangan besar kepada rakyat dan Negeri Terengganu khasnya. Maka hilanglah seorang Pakar Perundangan Islam Negeri Terengganu yang sukar dicari ganti. Sultan Zainal Abidin III yang memerintah ketika itu merasa begitu sedih di atas kehilangan gurunya, baginda sendiri telah berangkat ke Pulau Duyung menziarahi gurunya. Malah baginda turut bersembahyang mayat dan memerintahkan supaya jenazah Tuk Syeikh Duyung dibawa ke Istana untuk diberi penghormatan terakhir oleh Kerabat Diraja dan Pembesar-pembesar Negeri Terengganu.¹² Pernah Engku Sayyid Paloh mengeluh setelah mendapat perkhabaran yang mendukacitakan itu, " Hilang sudah 'kepala Santan'¹³ Negeri Terengganu. Beliau kemudian tanpa berlegah lagi berkejar ke Pulau Duyung Kecil menziarahi mayat Tuk Syeikh Duyung. Mayat Tuk Syeikh Duyung telah dikebumikan di tanah Perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu.¹⁴

¹¹ Wawancara dengan Wan Ali bin Awang dan Dato' Perba Diraja Wan Abd.Rahman bin Long, op.cit., juga lihat Mohammad b. Abu Bakar, op.cit., hal. 94.

¹² Wawancara dengan Dato' Perba Diraja, ibid.

¹³ 'Kepala Santan' bermakna orang yang paling berilmu.

¹⁴ Wawancara dengan Dato' Haji Muhammad Salleh, op.cit.

4.1.2 Asal-usul Tuk Syeikh Duyung - Keturunan

Menurut Dato' Haji Muhammad Salleh dan Dato' Perba Diraja, bahawa tokoh-tokoh ulama silam yang muncul di Terengganu dan memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam adalah datang dari tiga tempat yang berbeza, iaitu dari Baghdad seperti keturunan Syeikh Abd. Malik atau lebih dikenali dengan nama 'Tuk Syeikh Pulau Manis', dari Hadramaut seperti keturunan Sayyid Abdul Rahman yang lebih dikenali dengan gelaran 'Tuk Ku Paloh' dan tokoh ulama yang berasal dari Pattani seperti Tuk Syeikh Qadi atau Haji Wan Mohd. Amin bin Wan Yacob dan anaknya Tuk Syeikh Duyung serta sepupunya Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas.

Tuk Syeikh Duyung adalah berketurunan Pattani, iaitu anakanda kepada ulama Pattani yang digelar Tuk Syeikh Qadi. Menurut ceritanya Tuk Syeikh Duyung telah dibawa lari oleh ayahandanya dari Pattani akibat huru-hara yang berlaku di sana oleh pemerintah Siam pada 1808. Huru-hara ini berlaku akibat perselisihan di antara Datuk Pengkalan Raja Pattani berketurunan Melayu yang dilantik oleh Siam dengan seorang pembesar keturunan Siam bernama Panglima Dajang. Huru-hara ini telah menyebabkan tentera Siam menolong pembesar Siam itu. Akibat dari pertolongan tentera Siam di Ligor, di bawah pimpinan Pya Kalahom, tentera Datuk Pengkalan Raja menerima kekalahan teruk dan Datuk Pengkalan Raja sendiri turut terkorban. Kekalahan itu menyebabkan pembesar-pembesar lain dan ramai rakyat Pattani termasuk alim ulama dan cerdik pandai

Islam melarikan diri ke arah Selatan menyelamatkan diri.¹⁵

Menurut sebuah buku "Pattani Dahulu dan Sekarang" ada mencatatkan bahwa Siam telah menyerang Pattani sebanyak tujuh kali. Kali terakhir Siam menyerang Pattani ialah pada tahun 1831 Masihi. Dan tentera Siam kembali semula ke Siam tahun 1832 Masihi setelah Pattani secara total dapat ditakluki. Dalam perang 1785 Pattani diserang oleh Siam dan jatuh ke tangan Siam. Tentera Siam telah melakukan kekejaman ke atas rakyat Pattani dengan membakar, merompak harta benda dan membakar istana sultan, berikutnya berlaku perang 1789 -1791 Masihi, tentera Siam menangkap orang-orang yang dianggap keras kepala dan dibunuh disamping melakukan kezaliman lain. Begitu juga ketika perang tahun 1809. Negeri Terengganu pernah memberi bantuan kepada Pattani dalam peperangannya menentang Siam pada tahun 1831 Masihi yang membawa kekalahan Pattani.¹⁶

Penghijrahan rakyat dan ulama-ulama Pattani ke Terengganu dan akhirnya memilih Terengganu sebagai tempat kediaman berkemungkinan disebabkan oleh pemerintah Terengganu yang memuliakan orang alim dan memberi keistimewaan kepada golongan ini, seperti Tuk Syeikh Qadi yang telah diberi tempat di Paya Bunga, Kuala Terengganu yang tidak berapa jauh dari Istana bagi memudahkan perhubungan dan mendapat ilmu. Begitu

¹⁵Lihat Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.90

¹⁶Lihat A.Bangnara, Pattani: Dahulu Dan Sekarang; Panel Penyelidikan Pattani, 1977M- 1397H, hal. 17-38.

juga dengan kewujudan sebuah penempatan orang-orang Pattani di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Kampung Pattani. Menurut M.C.F.F Sheppard, nama Kampung Pattani ini ada kaitan dengan kedatangan rombongan yang mengikuti Tuan Zainal Abidin ke Terengganu.

"Queen of Patani, Nang Chayam...despatched Tun Zainal Abidin with a following of eighty Patani families and he was proclaimed Sultan of Terengganu. The Follower are said to have settled in a kampung which to this day is named Kampung Patani."¹⁷

Kedatangan Tuan Zainal Abidin dan rombongan ke Terengganu ini dianggarkan berlaku kira-kira sebelum tahun 1700 Masihi kerana Nang Chayam (Raja Kuning) yang ke-IV telah mangkat sebelum tahun 1700 Masihi.¹⁸ Ini bererti kemungkinan Kampung Pattani telah wujud lebih awal sebelum kedatangan keluarga ulama Pattani seperti keluarga Tuk Syeikh Qadi dan Tuk Syeikh Abdul Kadir. Apabila mereka samapai ke Terengganu terus saja menginap di kampung yang telah ada orang-orang Pattani.

Penghijrahan orang-orang Pattani ke Negeri Terengganu berlaku secara beramai-ramai. Pada awal abad ke-19 Masihi datang satu rombongan yang diketuai oleh Tuk Syeikh Qadi (bapa kepada Tuk Syeikh Duyung), seorang ulama Pattani. Mereka telah melarikan diri setelah kerajaan

¹⁷ M.C.F.F. Sheppard, "A Short History of Terengganu," dalam "Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society, Vol. XXII, Part 3, (June 1949), hal. 10.

¹⁸ Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi, "Perkembangan Islam Dari Zaman Permulaan Hingga Kini ", dalam Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu, Pada 17-18hb. Mei, 1981, Anjuran Yayasan Islam Terengganu, hal. 66.

Melayu Pattani dikalahkan oleh Siam. Mereka pada peringkat awalnya menyelamatkan diri ke Kelantan¹⁹ dan tidak beberapa lama kemudiannya mendapat perlindungan politik dari Baginda Sultan Omar dan terus menetap di Terengganu. Seperti Tuk Syeikh Qadi dan keluarganya telah disuruh oleh Baginda Sultan Omar tinggal di Kampung Paya Bunga, begitu juga dengan keluarga Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas yang menjadi Bapa Sepupu kepada Tuk Syeikh Duyung, seorang tokoh Islam Terengganu di abad ke-19 dan pernah menjadi Mufti di zaman Sultan Baginda Omar.

Penghijrahan ke Terengganu oleh kumpulan ulama Pattani ini disebabkan oleh pemerintah Siam telah mendesak pemerintah Kelantan menyerahkan kembali orang-orang Melayu Pattani kepada mereka.²⁰ Semasa keluarga Tuk Syeikh Qadi di Kelantan, nenek Tuk Syeikh Duyung iaitu Wan Salamah telah meninggal dunia dan dikebumikan di Kampung Langgar.²¹

Di Terengganu Tuk Syeikh Qadi dan keluarganya kemudian dititah oleh Sultan Terengganu tinggal di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu.

¹⁹ Kelantan semasa itu 1800 hingga 1827 Masihi diperintah oleh sultan-sultan yang mencintai ilmu keislaman, seperti Sultan Muhammad I amat menggalakkan rakyatnya mempelajari ilmu-ilmu agama Islam dan pengganti beliau Sultan Muhammad II yang memerintah dari tahun 1839 hingga tahun 1886 Masihi begitu mencintai ilmu keislaman. Asas pentadbiran dan perundangan berasaskan al-Quran dan Sunnah. Lihat Zuraini binti Taib, Dato' Haji Mohd. Noor bin Haji Ibrahim Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam di Kelantan, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989, hal.14.

²⁰ Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.90.

²¹ Ibid.

Di sinilah Tuk Syeikh Qadi telah mendampingi Sultan Terengganu sehingga beliau dilantik menjadi salah seorang pembesar negeri.²² Di Paya Bunga Tuk Syeikh Qadi membuka kelas pengajarannya di rumah dan Tuk Syeikh Duyung adalah antara muridnya sendiri yang kemudiannya menjadi orang yang berpengaruh di Terengganu.

4.1.3 Salasilah Keturunan Tuk Syeikh Duyung

Tuk Syeikh Duyung menurut Dato' Haji Muhammad Salleh dan Dato' Perba Diraja adalah berasal dari Pattani. Ayahandanya Wan Mohd. Amin bin Wan Yaccob atau lebih dikenali sebagai 'Tuk Syeikh Qadi' dan bondanya Wan Aminah binti Wan Derhamad adalah dari keturunan yang sama. Walau bagaimanapun dalam soal mencari pengasas salasilah asal-usul keturunannya terdapat dua aliran pendapat yang kontra, iaitu antara salasilah yang didapati dari keturunan beliau sendiri Dato' Perba Diraja Haji Wan Abd. Rahman bin Long (cicit Tuk Syeikh Duyung) dan salasilah yang diperolehi dari Pattani oleh Dato' Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang dan dibuat penelitian juga dengan salasilah yang diperolehi dari simpanan Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelatan yang dipetik daripada JMBRAS, August 1934. Kedua-dua pihak juga mengaku bahawa Tuk Syeikh Duyung mempunyai kaum kerabanya di Kedah daripada asal-usul keturunan yang sama dan datuk-datuk Tuk Syeikh Duyung juga pernah tinggal dan menjadi pembesar kerajaan Melayu Pattani.²³

²² Ibid.

²³ Ibid., hal.83.

4.1.3.1 Keterangan dan Salasilah Keturunan Tuk Syeikh Duyung yang diperolehi dari Dato' Perba Diraja Wan Abd.Rahman bin Wan Long

Pada suatu masa seorang Nakhoda Wangkang bersama tiga orang anak perahunya telah diperintah oleh pembesar tempat tinggalnya di daerah Champa (Kemboja), untuk mencari orang Melayu kerana untuk mempelajari adat istiadat orang Melayu. Keempat orang ini disuruh berpakaian cara Melayu dan berlagak seperti orang Melayu. Mereka pun belayarlah ke arah matahari jatuh. Malangnya oleh kerana mereka belayar pada musim hujan, tongkang mereka pecah dan terdampar di Pattani.

Keempat-empat anak wangkang itu telah menghadap pemerintah Pattani. Mereka telah diberi layanan sepatutnya kerana dipercayai mereka adalah utusan dari pembesar daerah Champa. Tetapi selang beberapa hari ketiga-tiga anak wangkang tadi telah pulang ke negeri asal mereka. (Menjadi Cina semula) hanya tinggallah Nakhodanya sahaja menetap di Pattani lalu memeluk agama Islam. Sebelum Islam beliau dipanggil Si Wan. Oleh kerana tingkahlakunya baik dan disayangi oleh raja Pattani maka dikahwinkanlah ia dengan puteri Laksamana Johor, yang menjadi anak angkat kepada Raja Pattani. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Pegawai yang mengurus hal-hal 'Negeri Atas Angin'²⁴ kerana beliau sendiri adalah bekas pembesar di daerah Champa.

²⁴ Negeri-negeri atas angin pada masa itu ialah China, Kemboja, Siam dan negeri-negeri di Timur Laut Utara Siam - Kenyataan daripada Wan Su bin Haji Mohd.Salleh. Ibid., hal.84.

Berdasarkan keterangan dan salasilah (A)²⁵ yang diperolehi dari Dato' Perba Diraja, jelaslah bahawa asal-usul keturunan Tuk Syeikh Duyung adalah daripada bekas seorang pembesar daerah Champa berbangsa Cina. Oleh kerana nama Nakhoda Wangkang setelah memeluk Islam dan nama isterinya tidak dinyatakan menyebabkan kita masih kesamaran siapakah sebenarnya mereka.

4.1.3.2 Keterangan dan Salasilah Keturunan Tuk Syeikh Duyung yang diperolehi dari Dato' Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang²⁶

Seorang putera keturunan Raja Bugis bernama Ne'²⁷ Ali (Fakih Ali Malbari) telah keluar negeri mengembara kerana menuntut ilmu agama. Kemudiannya beliau telah sampai ke Kota Tinggi lalu berkahwin dengan Puteri Laksamana Johor. Selepas berkahwin di Johor beliau dan isterinya merantau lagi ke Terengganu, Kelantan dan akhirnya ke Pattani dan terus menetap di sana.²⁸

Oleh kerana asal-usul keturunan Long Yunus, pemerintah Kelantan pada abad ke-19 juga berasal daripada satu keturunan yang sama iaitu daripada Syeikh Laksamana Johor yang diakui dalam kedua-dua naskhah salasilah keturunan seperti di atas. Maka adalah perlu dikemukakan juga

²⁵ Lihat lampiran II

²⁶ Lihat lampiran III

²⁷ Ne' ertinya 'Radin' dalam bahasa Bugis.

²⁸ Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.84.

keterangan dan salasilah keturunan Raja Kelantan sebagai perbandingan dan penelitian.²⁹

Berpandukan kepada keterangan-keterangan dan salasilah-salasilah yang diperolehi dari ketiga-tiga sumber bolehlah dibuat kesimpulan seperti berikut:

(i) Pada tingkat pertama asal keturunan Tuk Syeikh Duyung adalah daripada Puteri Laksamana Johor.

(ii) Pada tingkat kedua:

a. Daripada salasilah yang diperolehi dari Dato' Perba Diraja (A):

Asal keturunan Tuk Syeikh Duyung ialah daripada To' Kaya Pandak.

b. Daripada salasilah yang diperolehi dari Pattani (B): Asal keturunan Tuk Syeikh Duyung ialah daripada To' Kaya Rakna Berjaya.

c. Daripada salasilah mengikut Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan (C): To'Rana Diraja adalah berkemungkinan besar To' Kaya Rakna Berjaya iaitu orang yang sama dalam naskah salasilah dari Pattani.³⁰

Walau bagaimanapun waris-waris terdekat Tuk Syeikh Duyung kuat berpegang kepada naskah salasilah yang ada pada mereka sebagai asal-usul keturunan yang sah dan nujjah mereka dikuatkan lagi dengan keterangan dan salasilah yang didapati dari Pattani dan Dato' Perdana Menteri

²⁹ Lihat lampiran IV

³⁰ Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.87.

Paduka Raja Kelantan.

- a. Di tingkat pertama: Waris-waris terdekat Tuk Syeikh Duyung yang masih hidup membuat pengakuan bahawa asal-usul keturunan Tuk Syeikh Duyung di sebelah bapa ialah daripada Champa (Kemboja) dan berbangsa Cina, kemudian memeluk agama Islam di Pattani. Sementara naskhah-naskhah (B) dan (C) menyatakan berketurunan daripada Fakh Ali, anak Raja Bugis. Tetapi kedua-dua pihak, waris-waris terdekat dan (A) DAN (B) + (C) mengakui berketurunan di sebelah ibu yang sama iaitu daripada Puteri Laksamana Johor (Wan Teja).
- b. Di tingkat kedua: Waris-waris terdekat beliau yang masih hidup membuat pengakuan bahawa asal-usul keturunan Tuk Syeikh Duyung adalah daripada To' Kaya Pandak (Wan Ismail). Sementara naskhah-naskhah (B) dan (C) mengatakan asal berketurunan daripada To' Kaya Rakna Berjaya (B) atau To' Rakna Diraja (C).³¹

Mengikut buku "Ringkasan Cetera Kelantan", asal-usul keturunan Long Yunus ialah daripada Fakh Ali, putera Raja Bugis yang pergi ke Pattani pada tahun Hijrah 1049 (\pm 1639TM). Akan tetapi Nik Muhammad bin Nik Mohd. Salleh seorang pembesar Kelantan mengatakan:

"Pendapat yang mengatakan Long Yunus adalah keturunan daripada Andik Ali (Fakh Ali) itu tidak diakui sah oleh beberapa orang ahli kerabat Diraja ini."³²

Mengikut buku "Hikayat Seri Kelantan" pula, "asal-usul keturunan Long Yunus datang dari 'Kembyat Negara' iaitu Kemboja".³³

³¹ Ibid.

³² Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, Bil.1, 1964/1965, hal.7.

³³ Ibid., hal.65.

Dari keterangan yang diberikan oleh waris-waris terdekat Tuk Syeikh Duyung dan ahli kerabat Diraja Kelantan bahawa asal-usul keturunan mereka adalah dari negeri Champa (Kemboja) atau Kembayat Negara. Menurut Mohammad Bakar negeri-negeri yang didakwa oleh mereka itu mungkin adalah negeri yang sama. Tetapi bagi Dato'Haji Muhammad Salleh dan Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan mengakui bahawa asal-usul keturunan mereka adalah daripada Putera Raja Bugis.³⁴ Satu perkara yang tidak dapat dinafikan dari kenyataan Mohammad Bakar ternyata bahawa dari segi rupa fizikal waris-waris Tuk Syeikh Duyung yang masih ada sama seperti orang Cina.

4.1.4 Pendidikan Tuk Syeikh Duyung

Pendidikan Tuk Syeikh Duyung seperti yang dimaklumkan adalah bermula di rumah dan berguru dengan ayahandanya sendiri di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu. Ayahandanya Tuk Syeikh Qadi adalah seorang ulama Pattani yang diberi perhatian besar oleh Sultan Baginda Omar dan dilantik sebagai pembesar negeri. Selain berguru dengan ayahandanya sendiri Tuk Syeikh Duyung juga berguru dengan Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas iaitu bapa sepupunya sendiri bersama-sama dengan Tuk Tuan Besar Sayyid Muhammad Zainal Abidin.³⁵ Tuk Syeikh Abdul Kadir Bukit

³⁴ Lihat Muhammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.89.

³⁵ Wawancara dengan Dato' Perba Diraja, Pada 22hb. Nov.1989, Pasir Panjang, Kuala Terengganu.

Bayas juga merupakan seorang ulama di zaman Sultan Baginda Omar. Beliau telah diberi tugas yang besar dengan melantiknya sebagai mufti. Untuk menjadi seorang Mufti sudah pasti perlu kepada kepakaran dan pengetahuan yang luas dan mendalam dalam ilmu-ilmu agama, ini membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang alim.³⁶ Beliau tinggal di Kampung Bukit Bayas yang letaknya jauh sedikit kependalaman kira-kira 8 Km. dari bandar Kuala Terengganu. Dulu kawasan ini memang sesuai untuk tempat pengajian kerana kedamaian dan ketenangan yang boleh didapati. Di sinilah Tuk Syeikh Duyung dan Tuk Ku Tuan Besar bersama-sama berulang-alik untuk menimba ilmu dari Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas.

Di samping berguru dengan Tuk Syeikh Qadi dan Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas, Tuk Syeikh Duyung juga berguru dengan Syeikh Daud Al-Fatani.³⁷ Antara tahun-tahun 1832 hingga 1846 beliau sentiasa berulang-alik ke Mekah kerana mendalami lagi pelajaran agamanya dalam bidang Tasawuf, Fiqh (Perundangan Islam), Usuluddin (Ilmu Kalam), Tafsir, Hadis dan sebagainya. Di antara guru-guru beliau di Mekah ialah Sayyid Ahmad Zaini Dahalan, seorang pengarang kitab-kitab agama yang terkenal,³⁸ Sayyid Ibrahim al-Qurdi dan Syeikh Mohd. Ramli. Semasa beliau menuntut di Mekah dalam tahun 1834 ayahandanya Tuk Syeikh Qadi telah meninggal dunia dan dikebumikan di tanah perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu.³⁹

³⁶ En. Omar bin Musa, "Syeikh Abdul Kadir (Bukit Bayas)" dalam Seminar Tokoh Islam, Pada 27-29 Ogos, 1987, Kuala Terengganu, hal.8.

³⁷ Lihat Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.90.

³⁸ Sayyid Ahmad Zaini Dahalan dianggap "bapa" guru agama di Mekah pada masa itu. Kenyataan daripada Wan Su Haji Salleh. Ibid, hal.91.

³⁹ Wawancara dengan Dato' Perba Diraja,

menuntut ilmu di Mekah. Perubahan awal yang dapat dilihat selepas itu ialah perpindahan beliau ke Pulau Duyung Kecil seolah-olah membuka kehidupan baru di sana, mungkin kerana di sana lebih sesuai untuk beliau 'beruzlah' dan mengembangkan ilmu kepada masyarakat dengan kedamaian di Pulau Duyung.

Beliau sangat kuat menjaga disiplin. Orang-orang yang melalui atau datang berjumpa beliau di rumahnya dilarang sama sekali menghisap rokok. Orang-orang asing tidak boleh pergi ke Duyung Kecil tanpa diberitahu kepadanya terlebih dahulu. Budak-budak Raja yang diperintah oleh Sultan untuk menyampaikan sesuatu berita kepadanya memang merasa gerun untuk menemuinya. Beliau sentiasa kelihatan serius dan tidak suka bercakap sesuatu yang kurang mendapat faedah kebajikan.

Anak-anaknya dilarang tinggal di bandar Kuala Terengganu. Pernah di suatu masa salah seorang daripada anaknya membeli tanah di bandar Kuala Terengganu, tetapi disuruh jual kembali dengan harga yang sama kepada tuannya. Tujuannya supaya anak-anaknya tidak dipengaruhi dengan keduniaan. Dan adalah didapati bahawa anak-anak beliau diasuh ke arah lebih konservatif dan keagamaan. Di samping itu juga keluarganya tinggal di rumah-rumah bersambung antara satu sama lain seperti sebuah rumah panjang, dalam kawasan perkampungan yang terdiri daripada anak buahnya sahaja. Kawasan perkampungan dan keluarga beliau ini disebut "dalam kampung " atau " orang atas rumah" oleh penduduk tempatan. Malahan keadaan begitu terus diwarisi oleh keturunan beliau di mana "orang atas

Pada tahun 1846 Tuk Syeikh Duyung pulang ke tanah air setelah beberapa lama menimba ilmu agama di tanah suci Mekah. Beliau dan keluarganya kemudian berpindah ke tempat baru sebagai tempat kediaman iaitu di Pulau Duyung Kecil. Perpindahan itu dilakukan setelah beliau merasakan dirinya telah mencapai satu martabat kealiman dan mula-mula meninggalkan hal-hal keduniaan.⁴⁰ Sebelum berpindah ke Pulau Duyung Kecil beliau telah diberi pilihan oleh baginda Sultan memilih sama ada mahukan tanah di Bukit Tumbuh atau di Kampung Atas Banggol yang terletak di bandar Kuala Terengganu, tetapi telah ada pilihan sendiri mahu tinggal di Pulau Duyung Kecil.⁴¹ Beliau memilih Pulau Duyung Kecil sebagai tempat kediamannya mungkin kerana kedudukan pulau itu yang jauh dari kesibukan dan hanya didiami oleh orang-orang Melayu sahaja. Malah beliau sendiri merasakan dirinya telah mencapai martabat kealiman dan meninggalkan keduniaan. Sikap 'ascetism' beliau ini adalah kesan dari pengajiannya dalam bidang Tasawuf yang berhubungan dengan 'zuhud'. Malahan dalam masalah kekeluargaan beliau terutama perkahwinan hanya berlaku dalam keluarga beliau sahaja begitu juga dalam kehidupan yang lain.

4.1.5 Kehidupan dan Sifat-sifat Peribadi

Kehidupan Tuk Syeikh Duyung bolehlah dikatakan dipengaruhi oleh pendidikan agama yang diperolehinya terutama selepas kepulangannya dari

⁴⁰ Kenyataan daripada Dato' Perba Diraja dan Wan Su bin Haji Mohd. Salleh. Lihat Mohammad bin Abu Bakar, *op.cit.*, hal.91.

⁴¹ Wawancara dengan Wan Endut @ Omar bin Haji Embong, Pada 20hb. November, 1989, di Kampung Bukit Tok Ris, Kuala Terengganu.

menuntut ilmu di Mekah. Perubahan awal yang dapat dilihat selepas itu ialah perpindahan beliau ke Pulau Duyung Kecil seolah-olah membuka kehidupan baru di sana, mungkin kerana di sana lebih sesuai untuk beliau 'beruzlah' dan mengembangkan ilmu kepada masyarakat dengan kedamaian di Pulau Duyung.

Beliau sangat kuat menjaga disiplin. Orang-orang yang melalui atau datang berjumpa beliau di rumahnya dilarang sama sekali menghisap rokok. Orang-orang asing tidak boleh pergi ke Duyung Kecil tanpa diberitahu kepadanya terlebih dahulu. Budak-budak Raja yang diperintah oleh Sultan untuk menyampaikan sesuatu berita kepadanya memang merasa gerun untuk menemuinya. Beliau sentiasa kelihatan serius dan tidak suka bercakap sesuatu yang kurang mendapat faedah kebajikan.

Anak-anaknya dilarang tinggal di bandar Kuala Terengganu. Pernah di suatu masa salah seorang daripada anaknya membeli tanah di bandar Kuala Terengganu, tetapi disuruh jual kembali dengan harga yang sama kepada tuannya. Tujuannya supaya anak-anaknya tidak dipengaruhi dengan keduniaan. Dan adalah didapati bahawa anak-anak beliau diasuh ke arah lebih konservatif dan keagamaan. Di samping itu juga keluarganya tinggal di rumah-rumah bersambung antara satu sama lain seperti sebuah rumah panjang, dalam kawasan perkampungan yang terdiri daripada anak buahnya sahaja. Kawasan perkampungan dan keluarga beliau ini disebut "dalam kampung" atau "orang atas rumah" oleh penduduk tempatan. Malahan keadaan begitu terus diwarisi oleh keturunan beliau di mana "orang atas

rumah" ini dikatakan jarang sekali keluar rumah. Segala kerja dilakukan oleh orang luar yang mengambil upah seperti mengambil air dari perigi.⁴² Kesan tapak kediaman Tuk Syeikh Duyung masih ada, tetapi pada tapak itu telah dibina bangunan konkrit yang berpagar batu oleh waris beliau iaitu Dato' Bija Sura yang menjadi hakim ketika itu.⁴³ Walau bagaimanapun bangunan konkrit yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai "Kota" itu telah rosak dan yang tinggal hanya dinding-dinding batu dan tiang sahaja.

Suatu perkara yang menjadi amalan kebiasaan Tuk Syeikh Duyung ialah beliau sentiasa menziarahi jenazah, bersembahyang mayat dan membaca talkin apabila seseorang itu meninggal dunia. Beliau juga tidak pernah menerima hadiah atau sedekah kerana tugas tersebut. Ini ialah kerana beliau melakukannya untuk memenuhi fardu Kifayah dan memastikan bahawa upacara itu dijalankan dengan sempurna.⁴⁴

4.2 PERANAN DAN SUMBANGAN TUK SYEIKH DUYUNG

4.2.1 Sumbangan dalam Pendidikan di Terengganu

Peringkat awal penglibatan Tuk Syeikh Duyung dalam pendidikan

⁴²Wawancara dengan Esah binti Jusuh, pada 21hb. November, 1989, di Kampung Ladang Sekolah, Kuala Terengganu.

⁴³Wawancara dengan Wan Endut @ Omar bin Haji Embong.

⁴⁴Lihat Mohammad bin Abu Bakar, *op.cit.*, hal.95.

adalah di masjid yang didirikan berhampiran rumahnya di Pulau Duyung Kecil selepas pulang dari Mekah. Pengajarannya adalah secara 'menadah kitab' dan 'mendengar'.⁴⁵ Selain di Pulau Duyung Kecil terdapat juga tempat-tempat pengajaran agama di Paloh, Losong dan Bulit Bayas yang letaknya di sekitar bandar Kuala Terengganu dengan metod pengajaran yang berbeza seperti pengajian secara pondok. di samping wujudnya pengajar-pengajar yang menjalankan kegiatan mengajar di rumah mereka secara terbuka. Berbagai-bagai keilmuan keislaman yang terkenal dipelajari seperti usuluddin, fiqh, tasawuf, tafsir, hadis, nahu, saraf, bala-ghah (maani, bayan dan badi), falaq, hisab dan sastera Islam. Pada peringkat rendah digunakan kitab-kitab berbahasa Melayu, manakala pada peringkat tinggi digunakan kitab-kitab berbahasa Arab.⁴⁶ Walau bagaimanapun Tuk Syeikh Duyung tidaklah membuka pengajian pondok sebaliknya mengajar secara terbuka.⁴⁷

Ilmu-ilmu yang diajar oleh Tuk Syeikh Duyung ialah ilmu Fiqh (Perundangan Islam), Tafsir, Hadis dan Tasawuf. Di antara kitab-kitab utama yang dijadikan penduan pengajarannya ialah Ihya Ulummudin oleh Imam Al-Ghazali, Majmu Musytamil Ala Ihda wa Arbaian Risalah (Himpunan-

⁴⁵ 'Menadah Kitab' ialah satu metod pengajaran tradisi di mana murid-murid membuka kitab masing-masing sementara guru membaca dan menerangkan dan mengupas isi kitab tersebut. 'Mendengar' pula guru membaca, mengupas dan menerangkan sesuatu pelajaran agama kepada murid-murid berpandu pada kitabnya tetapi murid tidak mempunyai kitab langsung.

⁴⁶ Shafie bin Abu Bakar, "Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman di Terengganu", PESAKA V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Cetakan Pertama, 1989, hal.17.

⁴⁷ Ibid., hal.21.

himpunan yang merangkumi 41 masalah ilmu tasawuf)⁴⁸ oleh al-Alim Muhaddith Ibrahim bin Hanan Al-Kurdi dan Al-Risalah Al-Kubra oleh Muhammad bin Ali Al-Saibani. Ini adalah sebahagian sahaja buku-buku yang diketahu, tetapi sebenarnya selepas peninggalan beliau didapati banyak kitab milik beliau yang tertera padanya cop mohornya⁴⁹ yang meliputi seluruh aspek keagamaan. Hampir keseluruhan kitab-kitabnya bertulis tangan yang cantik, ditulis oleh beliau sendiri dan diupah tulis kepada penulis-penulis mahir. Di antaranya terdapat beberapa buah kitab yang dihadiahkan kepada beliau oleh Baginda Sultan Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Mengikut taksiran beberapa orang guru-guru agama kitab-kitab kepunyaan beliau itu dianggarkan berharga berpuluh-puluh ribu ringgit memandangkan nilai kandungan kitab-kitab itu.⁵⁰

Dengan lahirnya pusat pengajian di Pulau Duyung Kecil maka ramai penuntut-penuntut sama ada dekat atau jauh datang beguru dengan Tuk Syeikh Duyung. Mereka-mereka yang datang dari Bukit Tumbuh, Nerus, Buluh Gading, Losong, Paloh dan Kuala Terengganu mulailah berulang-alik ke Duyung. Oleh kerana bilangan muridnya bertambah ramai, kemudiannya terdirilah pondok-pondok di sekitar rumah beliau. Kebanyakan yang mendirikan pondok adalah mereka yang datang dari jauh seperti Kelantan, Pahang, Sumatera,

⁴⁸ Kitab ini bertulis tangan kepunyaan Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas yang menjadi Mufti Baginda Omar sebelum Tuk Syeikh Duyung. Kitab ini kemudiannya dibeli oleh Baginda Omar dan dihadiahkan kepada Tuk Syeikh Duyung untuk mengajar kepada murid-muridnya. Kitab ini tersimpan di rumah Wan Su bin Haji Mohd. Salleh.

⁴⁹ Cop mohor itu diperbuat daripada timah dan tembaga tertera namanya dalam tulisan jawi dan kini disimpan oleh Wan Su bin Haji Mohd. Salleh, Duyung Besar. Lihat Mohammad Abu Bakar, op.cit., hal.93. Lihat lampiran V.

⁵⁰ Ibid.

Brunei, Pattani dan Borneo.

Di antara murid-murid beliau yang terkenal ialah Sultan Baginda Omar, Sultan Zainal Abidin III, Haji Omar Duyung Besar, Haji Ab. Hamid Nerus, Tuan Baru Petai Bubus, Haji Musa Alim, Che Man Gudang dan anaknya sendiri Haji Wan Mohammad bin Haji Wan Abdullah⁵¹ yang menjadi Mufti selepas ayahandanya meninggal dunia. Dari satu segi ternyata bahawa Tuk Syeikh Duyung adalah guru yang sangat dihormati di mana Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin sendiri datang ke Duyung Kecil menemui Tuk Syeikh Duyung untuk menuntut ilmu agama dan bukan sebaliknya. Malah Sultan Omar dan Sultan Zainal Abidin sentiasa mendampingi Tuk Syeikh Duyung hingga beliau dilantik menjadi Mufti kepada baginda ber-dua.

Disebabkan ketokohan beliaulah Negeri Terengganu terkenal di seluruh Nusantara pada masa itu di samping ulama-ulama lain seperti Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas dan Tuk Ku Tuan Besar. Pada zaman beliau dan anaknya Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Abdullah Duyung digelar 'Lidah Negeri Terengganu'. Kerana pada masa itu Tuk Syeikh Duyunglah merupakan tempat segala pertanyaan terakhir mengenai Hukum Syara' terutama mengenai Perundangan Islam. Tuk Syeikh Duyung juga pernah menjadi tumpuan alim ulama dari jauh dan dekat. Pernah ulama-ulama dari Indonesia bertanya mengenai satu-satu hukum agama kepada beliau. Malah Engku Sayyid

⁵¹ Ibid., hal.92.

Paloh yang menjadi muridnya tidak pernah mengeneipkan gurunya terutama mengenai mengenai masalah Perundangan Islam.⁵²

Dalam pengajaran beliau lebih mengutamakan penggunaan kitab 'Majmu Musytamil Ala Ihda wa Arbaian Risalah' kerana kitab ini mengupas segala aspek pengetahuan ajaran Islam. Kitab ini juga kemudiannya digunakan oleh anaknya Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Abdullah sebagai pengajaran utama kepada murid-muridnya. .

4.2.1.1 Kandungan Kitab 'Majmu Musytamil Ala Ihda wa Arbaian Risalah' (Kitab Himpunan Empat Puluh Satu Risalah)

Kitab 'Majmu Musytamil Ala Ihda wa Arbaian Risalah' oleh Al-Alim Muhaddith Ibrahim bin Hanan Al-Kurdi ini adalah dimiliki oleh Syeikh Kadir Bukit Bayas yang menjadi sumber rujukannya yang utama, tetapi kemudiannya dibeli oleh Sultan Baginda Omar dan dihadiahkan kepada Tuk Syeikh Duyung. Perkara ini dapat dibuktikan dengan jelas berdasarkan catatan di helaian pertama kitab tersebut yang tertulis:-

هذا المجموع ملك عبد المقادر بن عبد الرحيم عفر الله له
ولو اديه ولجميع المسلمين والمسلمت انتقل هذا المجموع الى
ملك السلطان محمد بن سلطان احمد ترغكانو بشاره صميم
ووقف على عبد الله بن محمد امين ديون ترغكانو في بلد الترغكانو
والنهار العالمين آمين

⁵²Ibid.

"Himpunan (Kitab) ini adalah milik Abdul Kadir bin Abdul Rahim (semoga) Allah mengampunkan beliau dan kedua ibubapanya dan juga (mengampunkan) semua orang Islam. Kitab ini telah berpindah milik kepada Sultan Omar bin Sultan Ahmad Terengganu melalui jual beli dan ia diberi waqaf (oleh Baginda Sultan Omar) kepada Abdullah bin Mohd. Amin Duyung Terengganu (yang terletak) dalam negeri Terengganu dan juga kepada para ulama yang lain- Amin."

Tindakan Sultan Omar membeli kitab tersebut menunjukkan bahawa kitab ini mempunyai nilai agama yang tinggi di samping sekaligus membayangkan kesungguhan Sultan dalam penyebaran agama Islam di Terengganu. Antara isi kandungan yang terdapat dalam kitab ini ialah,⁵³

- (1) Falsafah Tasawuf Islam.
- (2) Ilmu Teology Islam.
- (3) Petikan Nasihat Imam al-Ghazali.
- (4) Pelbagai masalah dan pertanyaan dari Ulama kepada Syeikh Ibrahim bin Hasan al-Kurdi.
- (5) Petikan dan Ulasan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis.
- (6) Penentangan Terhadap Idea-idea Imam Ibnu Al-Arabi Mengenai Wihdatul Wujud (Kesatuan Alam dan Tuhan).

Kitab ini mengandungi 368 halaman tidak termasuk helai pertama. Apa yang menarik dalam kitab ini ialah mengenai cara-cara hendak menghampirkan diri kepada Allah. Cara-cara yang diterangkan bukan sahaja berbentuk teori tetapi juga berbentuk pratikal. Amalan-amalan yang dilakukan melalui ilmu muamalah menurut Imam al-Ghazali merupakan jalan

⁵³ Ibid., hal.93

ke arah untuk mendapat mukasyafah. Di antara jalan untuk menghampirkan diri kepada Allah ialah dengan melakukan ibadat-ibadat sunat selepas melakukan ibadat fardu kerana ia akan menghasilkan rasa kecintaan antara Allah dan makhluk-Nya (المحبة الالهية) sebagaimana hadis Qudsi yang berbunyi:

وما يزال عبدى يتقرب إلى النوافل حتى احبه كنت سمعه الذى
 يسمع به ربه الذى يلمسه ويده التى يبطش بها ورجله
 التى يمشى بها وزاد رواية البخاري ونظرة الذى يعقل به
 ولسانه الذى يتكلم به -

Ertinya: "...sentiasalah kamu berdampingan diri kepadaku dengan mengerjakan ibadat sunat hingga aku kasihkan dia, maka apabila aku kasihkan dia, nescaya adalah aku pendengarnya yang ia mendengar dengan dia, (adalah aku) penglihatannya yang ia melihat dengan dia, (adalah aku) tangannya yang ia menampar dengan dia, (akulah) kakinya yang ia berjalan dengan dia, (akulah) fikiran hatinya yang ia berfikir dengan dia dan (akulah) lidahnya yang ia bertutur dengan dia."

Maksud hadis Qudsi ini ialah segala perbuatan atau lakonan yang terbit dari Hamba Allah yang Wali yang berada di peringkat Nafsu Mardiyah adalah kesemuanya berlaku dengan keredaan Allah dan keizinan Allah belaka.⁵⁴

Zikir pagi dan petang merupakan perkara yang mesti dilakukan oleh mereka yang ingin mencapai taqarub kepada Allah. Zikir yang paling afdal ialah (لا اله الا الله). Jumlah zikir adalah bergantung kepada keadaan dan masa. Tiap-tiap sembahyang Subuh, Insya' dan Tahajjud hendaklah berzikir

⁵⁴ Mustafa Muhammad al-Jiyasyid Al-Ahmadi, Mengenal Diri dan Wali Allah, Cetakan ke 15, Pustaka Aman Press, Kelantan, 1979, hal.39.

(لا اله الا الله) seribu kali. Sekiranya ada keuzuran hendaklah berzikir 10 kali dan ditambah dengan istghfar seratus kali selepas tiap-tiap waktu tersebut.⁵⁵

Satu perkaralagi yang tidak kurang pentingnya dalam konteks amalan Tasawuf ialah peperangan menentang hawa nafsu (مجاهدة النفس). Sesiapa yang mahukan hatinya tidak lagi cintakan dunia ia hendak berjihad melawan hawa nafsunya sendiri. Itulah antara lain wasiat yang diberikan oleh Imam Al-Ghazali kepada Ahmad bin Salamah al-Damigh (سلامة الدميغ).⁵⁶

Berdasarkan apa yang terkandung dalam naskhah 'Majmu' itu, amalan zikir berkenaan tentu diamalkan oleh Tuk Syeikh Duyung, Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas, Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III serta murid-muridnya yang lain memandangkan buku itu begitu penting hingga diwaqafkan kepada semua ulama. Zikir-zikir seumpama itu secara tradisinya terdapat dalam semua Tarekat dan pengajaran Tasawuf. Apa yang berbeda antara satu tarekat dengan tarekat lain hanya dari segi 'Kaffiyyat' dan pantang larang semasa beramal.⁵⁷

Zikir dengan menyebut dan mengingati nama Allah dengan menggunakan kalimat-kalimat tertentu seumpama (سبحان الله) "Maha Suci Allah",

⁵⁵ Naskhah, hal.4.

⁵⁶ Ibid.; hal.20.

⁵⁷ En. Omar bin Musa, op.cit., hal.27.

(الحمد لله) "Segala Puji Bagi Allah", (الله أكبر) "Allah Maha Besar", (لا اله الا الله) "Tiada Tuhan Melainkan Allah" dan lain-lain yang ada dalam hadis, memang diperlukan oleh batin manusia, maka seseorang itu (dengan izin Tuhannya) membesihkan hatinya dan menghampirkan dirinya dengan Tuhannya. Dapat dikatakan bahawa inilah method " yang 'central' dalam ajaran Islam.⁵⁸

4.2.1.2 Tuk Syeikh Duyung Sebagai Penterjemah dan Penyalin Kitab

Di dalam mendapatkan bahan-bahan pengajian khususnya kitab-kitab, menyalin tangan naskhah kitab-kitab adalah menjadi tradisi pengajian. Meskipun pada pertengahan abad ke-19 sudah ada kaedah cetak, tetapi teknologi ini belum meluas. Boleh dikatakan hingga akhir abad ke-19, tradisi menyalin kitab-kitab baik di dalam bahasa Melayu atau Arab masih berterusan.⁵⁹ Setengah ulama-ulama pula di samping menggunakan kitab-kitab yang disalin turut mengarang naskhah-naskhah kitab-kitab atau risalah-risalah di dalam bidang-bidang yang didalaminya untuk kegunaan pengajarannya dan disalin oleh murid-murid darinya. Tradisi menyalin kitab-kitab di dalam pengajian tradisi di Terengganu menjadikan pelajar-pelajarnya mahir menulis Jawi/Arab. Tidak hairanlah apabila

⁵⁸ Muhammad Uthman El-Muhammady, Peradaban Dalam Islam, Pustaka Aman Press, Kelantan, 1976, hal.269.

⁵⁹ Sifat sedemikian tidak saja berlaku di kalangan penuntut di pengajian tradisi tetapi pada pengajian di Mekah. Kitab-kitab yang tebal-tebal disalin oleh pelajar-pelajar atau diupah/dibeli dari penyalin yang mengambil upah/menjual bahan-bahan penyalinan yang disalinnya. Lihat Shafie Abu Bakar, Institut Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu) dan Kitab-kitab Padaya, hal.31-57.

Abdullah Munsyi tiba ke negeri ini dalam lawatannya ke Pantai Timur, beliau telah memuji-muji akan kecantikan tulisan-tulisan orang-orang di Terengganu dan keelokan bacaan Quran mereka.⁶⁰ Fenomena ini mencerminkan bahawa orientasi keislaman begitu mendalam di Terengganu pada abad 19. Tradisi persuratan Islam tumbuh subur di Terengganu pada abad ini memperkukuhkan perkembangan keilmuan Islam di negeri tersebut yang meresap ke dalam jiwa masyarakatnya.⁶¹

Menyedari betapa pentingnya ilmu pengetahuan Islam yang begitu luas dan perlu disebarakan kepada semua umat Islam, maka kerja menyalin dan menterjemah kitab-kitab agama amat penting memandangkan kurangnya kitab-kitab agama di tanah Melayu, khususnya di Terengganu. Peranan ini telah diambil oleh Tuk Syeikh Duyung ketika beliau berada di Mekah mendalami pengajiannya dalam tahun-tahun 1832 hingga 1846.

Semasa berada di Mekah, beliau telah menyalin dan menterjemah banyak buku-buku agama ke dalam Bahasa Melayu terutama kitab-kitab mengenai ilmu Fiqh (Perundangan Islam). Di antara kitab-kitab yang diterjemah itu ada yang diupah tulis kepada jurutulis-jurutulis yang mahir dari Sambas, Acheh dan Johor.⁶² Di antara kitab-kitab yang masyhur diupah

⁶⁰ Abdullah bin Abdul Kadir, Kisah Pelayaran Abdullah, Singapura, Malaysia Publications Ltd. 1965, hal. 32-33.

⁶¹ Shafie bin Abu Bakar, op.cit., hal. 17.

⁶² Pada tiap-tiap kitab tulisan tangan itu tertulis nama penyalin, tarikh disalin/tulis dan untuk siapa. Di antara kitab-kitab peninggalan Tuk Syeikh Duyung tersimpan di rumah Wan Su b. Haji Mohd. Salleh, Dato' Perba Diraja, Pasir Panjang dan Wan Awang bin Su, Duyung Kecil.

tulis kepada Ibrahim bin Mohammad Ibrahim ialah Kitab Siratul Mustaqim, Tuhfatul Muhtaj (Penganugerahan), karangan Syeikh Ibn Hajar al-Haithami, Al-Fathul Jawad (Pembukaan Yang Elok) oleh pengarang yang sama dan Minhaj At-Talibin (Panduan Pelajar) karangan Imam Nawawi. Sementara kitab-kitab Al-Umm (Ibu) karangan Imam Syafie dan Al-Fatwal Kubra (Fatwa-fatwa Besar) karangan Ibn Hajar diupah salin kepada Mohd. Ramli bin Hassan. Kedua-dua penulis ini dari Sambas. Kesemua kitab-kitab ini merupakan kitab-kitab Fiqh (Perundangan Islam) yang mengandungi persoalan-persoalan dan perbincangan-perbincangan segala perundangan Islam Mazhab Syafie, yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia seperti Ibadat (Rukun Islam dan Rukun Iman), Muamalat (hubungan antara manusia dengan manusia, seperti jual-beli, perjanjian syarikat dan sebagainya), Munakahat (Nikah Kahwin dan Kekeluargaan) dan sebagainya. Selain daripada itu terdapat juga kitab-kitab bertulis tangan dalam Bahasa Arab yang dibeli oleh beliau di Mekah. Antaranya ialah kita-kitab tafsir dan Hadis Sahih Bukhari karangan Imam Muhammad Ismail dan Sahih Muslim karangan Abu Hussein Muslim bin Al-Hajjaj.⁶³

Menurut Wan Su bin Haji Mohd. Salleh hasil wawancara Mohammad Abu Bakar mengatakan bahawa buku-buku dan kitab-kitab peninggalan Tuk Syeikh Duyung sangat banyak. Di rumahnya sahaja terdapat tiga buah almanak besar 7 kaki panjang dan 4 kaki lebar penuh dengan kitab-kitab peninggalan beliau. Di samping itu terdapat beberapa peti lagi di rumah Dato' Perba

⁶³ Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.91.

Di Raja dan di rumah Wan Awang bin Su, juga di Masjid Duyung Kecil .
 Walau bagaimanapun sebahagian besar kitab-kitab ini telah rosak.

Sudah menjadi kepastian peranan guru agama diimbali dengan keperluan-keperluan bagi membantu perkembangan pengajian agama Islam dan kadang-kadang tidak sepadan dengan imbalan yang diberikan . Guru-guru agama diberi beberapa keping tanah sawah dan dusun untuk penyaraan hidup dan bagi menampung perbelanjaan pengajian agama. Kebiasannya di Terengganu pemerintah atau Sultan memberikan 'wakaf'⁶⁴ tanah kepada ulama bagi menggalakkan pengajian Islam.

"The rulers and other members of the ruling class were known to have sought their support and were prepared in return to encourage religious education. They gave 'wakaf' (religious endowment) land to religious leaders to help in particular undertakings."⁶⁵

Dalam soal ini Tuk Syeikh Duyung juga telah menerimanya. Beliau telah menerima sebagai pemegang kuasa 'wakaf' kepada lapan bidang tanah untuk tujuan pengajaran agama.⁶⁶ Kemudian tanah-tanah ini telah dipegang kuasa oleh anaknya Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah yang

⁶⁴ Menurut Prof. Ahmad Ibrahim 'wakaf' ialah "A dedication in perpetuity of the capital or income of property for religious or charitable purposes reorganised by Islamic Laws." Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, Singapore. Msri Ltd., 1965, hal. 398.

⁶⁵ Shahril Talib, After It's Own Image The Terengganu Experience 1881 - 1941, Singapore Oxford University Press, Oxford New York, 1984, hal. 26.

⁶⁶ Lihat lampiran V.

meneruskan pengajaran agamanya di Duyung Besar. Di antara tanah-tanah yang diwakafkan itu bertempat di Buluh Gading, Sekitar Sungai Nerus, Padang Luas dan Seberang Tuan Chik. Walau bagaimanapun tanah - tanah wakaf itu telah diambil-alih dan diletak di bawah pentadbiran **Jabatan Agama Islam Terengganu** semasa pertengahan pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.⁶⁷

4.2.2 Penglibatan dalam Pentadbiran Negeri Terengganu

Peranan golongan ulama-ulama di Terengganu bukan sahaja setakat mengembangkan pengajaran keislaman tetapi lebih dari itu, malah mereka banyak membantu pemerintah dalam pentadbiran terutama dalam pentadbiran dan jawatan keagamaan di Terengganu. Pengaruh mereka kuat dalam masyarakat dan juga dalam institusi istana. Mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga Diraja dan berpengaruh dalam soal mencari dan menentukan bakal sultan selepas berlakunya kemangkatan sultan.

"That they did have collective power was seen in their influence on the succession of Sultans. Their role in the political system was not merely confined to religious teaching nor for that matter were they mere chaplins to a devout Sultan."⁶⁸

Ulama-ulama ini kadang-kadang dilihat menjawat jawatan yang penting dalam pentadbiran selain dari jawatan Mufti atau Qadi dalam pentad-

⁶⁷ Wawancara dengan Dato' Haji Muhammad Salleh Haji Awang, op.cit.

⁶⁸ Shahril Talib, op.cit., hal.26.

biran agama, tetapi juga terlibat dalam jawatan-jawatan penting yang lain seperti dalam badan politik negara.

"They were ministers, state councillor and district chiefs of Sultans. They participated in the Trengganu body-politic and at times played a major role in some aspects of British - Trengganu relations."⁶⁹

Tuk Syeikh Duyung telah meninggalkan jasa yang besar dalam perkembangan Islam di Terengganu. Beliau telah sempat berkhidmat kepada tiga orang sultan semasa hidupnya, iaitu Sultan Baginda Omar (1859 - 1876), Sultan Ahmad II (1839-1881) dan Sultan Zainal Abidin III (1881 - 1919). Jawatan yang pernah dipegang oleh Tuk Syeikh Duyung ialah jawatan sebagai Mufti semasa Sultan Baginda Omar hingga Sultan Zainal Abidin III.

Jawatan Mufti pada permulaan Islam adalah dianggap jawatan yang paling merbahaya, amat besar kekesanannya dan amat berat bebanan tanggungannya. Ianya adalah pengganti dan penyambung tugas Junjungan Rasulullah s.a.w. pada menyampaikan hukum-hukum Allah, menyebarkan dakwah Islam yang diredai untuk umat sama ada terhadap ilmu pengetahuan, pelajaran dan tunjuk-ajar. Amat mendalam kefahamannya berkait dengan al-Quran dan Hadis, mempunyai kebolehan di dalam memberi pendapat dan mengeluarkan hukum-hukum Allah dan Rasul dalam berbagai perkara. Tegas Al-Alim

⁶⁹Ibid.

As-Sheikh Husain Muhammad Makhluf, bekas Mufti Negeri Mesir dalam kitabnya yang bernama Fatwa Syarriyah Buhus Islamiah, penggal pertama, ketika menerangkan peranan dan tanggungjawab seorang muslim.⁷⁰

Sebagai sebuah negeri Islam sudah tentu jawatan Mufti amat mustahak sekali dan siapakah tokoh ulama Negeri Terengganu yang memegang jawatan ini pada permulaan Islam bertapak negeri ini belumlah dapat diketahui, tetapi pada kurun Hijrah yang ke tujuh (ke-14 Masihi) setakat yang diketahui yang mengambil peranan sama ada secara rasmi atau tidak jawatan tersebut ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis).

Mufti yang pertama secara resminya ialah Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas yang berasal dari Pulau Duyung, iaitu di awal abad ke-19M.⁷¹ Selepas beliau meninggal dunia, jawatan Mufti kemudiannya dipegang oleh Sheikh Abdullah bin Mohd. Amin (Tuk Syeikh Duyung) iaitu anak sepupunya sendiri dan jawatan Mufti seterusnya diambil-alih oleh anaknya, Haji Wan Mohammad dalam tahun 1889.⁷² Kalau diteliti jawatan Mufti ini telah bertukar tangan hanya dalam keluarga ulama Pattani ini sahaja. Seolah-olah ianya menjadi warisan yang turun temurun.

⁷⁰ Dato' Setia Jasa, " Sepintas lalu Catatan Sejarah Jabatan Hal-Ehwal Agama Terengganu Darul Iman," Pesaka V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Cetakan Pertama, 1989, hal.106.

⁷¹ Lihat Mamat Adam bin Taib, Struktur dan Organisasi Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Trengganu, BA (Hons.) exercise, Jabatan Pengajian Melayu (Department of Malay Studies), University of Malaya, Kuala Lumpur, 1970, hal.3.

⁷² Shahril Talib, op.cit., hal.27.

"More usually the religious-scholar tradition could be traced through definite family line. Religious scholarship was kept within the family, so to speak, and passed down from father to son almost like a hereditary profession."⁷³

Ulama-ulama lain yang memegang jawatan Mufti di Terengganu ialah Haji Muhammad bin Abdul Malik (cucu kepada Tuk Ku Pulau Manis), Haji Wan Musa (orang Kelantan), Haji Wan Mohammad Saleh bin Mohamed dan Sayyid Abu Bakar bin Tukku Sayyid Paluh.⁷⁴

Penglibatan ulama dari keluarga Pattani ini dalam bidang pentadbiran bermula semenjak Tuk Syeikh Qadi lagi apabila beliau dilantik menjadi seorang pembesar negeri oleh Sultan Baginda Omar. Peranan dalam pentadbiran seterusnya dimainkan oleh anaknya Tuk Syeikh Duyung. Semasa pemerintahan Sultan Baginda Omar Tuk Syeikh Duyung telah dilantik menjadi Qadi⁷⁵ sebelum beliau kemudiannya dilantik sebagai Mufti. Mufti ketika itu ialah Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas. Tuk Syeikh Duyung disamping menjadi Qadi beliau merupakan penasihat utama kepada Baginda Omar. Setelah Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas meninggal dunia pada 1853, beliau telah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Terengganu hingga beliau meninggal dunia pada tahun 1889.⁷⁶

⁷³ Ibid., hal.13.

⁷⁴ Ibid., hal.27

⁷⁵ Semasa beliau menjawat jawatan Qadi beliau telah berkahwin dengan Cik Aminah iaitu seorang perempuan Cina Islam atas desakan Baginda Omar. Sebelum itu beliau telah berkahwin dengan perempuan Losong bernama Wan Salamah, tetapi telah meninggal dunia. Lihat Mohammad Abu Bakar, op.cit., hal.94-95.

⁷⁶ Ibid.

Semasa Tuk Syeikh Duyung menjadi Mufti kebanyakan daripada tugas-tugasnya dijalankan di rumahnya di Duyung Kecil. Beliau ke pejabatnya untuk urusan-urusan yang penting sahaja.⁷⁷ Tambahan pula adalah menjadi suatu kebiasaan bagi Baginda Sultan menghantar utusannya ke Duyung menemui beliau mengenai satu-satu hal. Tetapi dalam upacara-upacara resmi seperti Maulud Nabi, perkahwinan Diraja, hari Raya dan sebagainya beliau tidak ketinggalan menghadirinya.

Tuk Syeikh Duyung kadang-kadang berperanan sebagai penasihat politik kepada Sultan. Pernah Tuk Syeikh Duyung menjadi ketua misi damai yang diutuskan oleh Baginda Sultan Omar bagi memujuk Sultan Kelantan menarik balik rakyatnya dalam "Perang Besut" 1874. Ketika itu beliau menjadi Mufti kepada Sultan Baginda Omar. Beliau telah diutus ke Kelantan bagi membantah kehadiran rakyat Kelantan yang membantu Tengku Ali bin Tengku Abd. Kadir.⁷⁸ Menurut Dato' Perba Diraja, Tengku Ali adalah seorang pesuruhjaya Sultan Omar di Besut yang cuba belot.⁷⁹ Beliau bersama anaknya Haji Wan Mohammad dan Wan Abdul Kadir menaiki gajah ke Kelantan dan telah berjaya memujuk Sultan Kelantan menarik balik rakyatnya dari membantu Tengku Ali.

⁷⁷ Wawancara dengan Dato' Perba Diraja, op.cit.

⁷⁸ Tg. Ali bin Tg. Abd. Kadir ialah pemerintah Besut telah cuba membertolak terhadap dasar centralisasi Baginda Omar dengan mendapat bantuan rakyat Kelantan. Kali pertama cuba menjatuhkan Baginda Omar dari takhtanya dan kali kedua cuba memisahkan daerah Besut dari pemerintah Terengganu. Lihat Buyung Adi, Sejarah Terengganu, DBP., Kuala Lumpur, 1974, hal. 126-128.

⁷⁹ Wawancara dengan Dato' Perba Diraja, op.cit.

Beliau juga telah diminta memberi pendapat oleh Baginda Omar mengenai adakah Baginda harus memberi bantuan kepada Wan Ahmad untuk memerangi bendahara Wan Mutahir pada 1857. Beliau telah memberi pendapat yang antara lain, " walaupun peperangan ini perang saudara dan Islam sesama Islam, tetapi Wan Ahmad menuntut haknya dan adalah menjadi tanggungjawab untuk menebus maruahnyanya." Hasil daripada pendapat Tuk Syeikh Duyung itu sedikit sebanyak telah menyebabkan Baginda Sultan Omar memberi bantuan tenaga kepada Wan Ahmad.⁸⁰

Semasa Sultan Zainal Abidin III memerintah baginda tersangat baik dengan gurunya (Tuk Syeikh Duyung). Ketika Sultan Zainal Abidin ditabalkan menjadi Sultan pada 18hb. December, 1881 beliau telah membaca doa selamat untuk baginda dan turut sama bersembahyang hajat permohonan diberkati Allah bersama-sama Engku Sayyid Paloh, anaknya Wan Mohammad dan beberapa ulama-ulama Terengganu yang lain.⁸¹

Semasa pentadbiran Sultan Zainal Abidin III, baginda adalah ketua negeri dan ketua agama. Baginda sentiasa merujuk kepada Tuk Syeikh Duyung dan Engku Sayyid Paloh terutama mengenai hukum Syara'. Di antara ke dua-dua tokoh agama ini Tuk Syeikh Duyung yang kerap kali dirujuk kerana kealimannya dalam bidang Perundangan Islam dan gurunya yang disegani. Dan pada zaman Sultan Zainal Abidin III Pulau Duyung dikenali

⁸⁰ Lihat Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.97.

⁸¹ Ibid.

⁸² Ibid.

sebagai "Lidah Negeri Terengganu" kerana masyhur tempat bertanya dan menuntut ilmu agama.⁸³ Tuk Syeikh Duyung akhirnya dikurniakan gelaran "Syeikhul Ulama" oleh Sultan Zainal Abidin III dan "Syeikhul Islam" kepada Engku Sayyid Paloh bagi mengenangkan jasa dan ketokohan beliau dalam bidang keagamaan di Terengganu Darul-Iman. Mereka yang bergelar "Syeikhul Ulama" mempunyai kedudukan yang lebih kanan dan diberi keutamaan dalam bidang kuasa keagamaan, dari yang lain-lain.

"There were also the titles 'Sheikhul Islam' and 'Sheikhul Ulama' given by the Sultan to those who were jurists of more than usual standing. As religious authorities of the state the Sheikhul Ulama clearly had precedence, followed by the Mufti and Sheikhul Islam respectively."⁸³

4.2.3 Tuk Syeikh Duyung dengan Kebatinan

Suatu hal yang tidak dapat dinafikan yang ada pada ulama-ulama khususnya di Terengganu, ialah keistimewaan ilmu batin yang dimiliki oleh mereka. Kelebihan yang luar biasa ini bolehlah dikatakan sebagai 'Karamah' yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka.

Kelebihan yang luar biasa ini juga terdapat pada Tuk Syeikh Duyung. Pernah di suatu malam seorang pencuri telah cuba memasuki rumahnya. Malangnya pencuri itu telah terperangkap sehingga pagi tanpa ber-

⁸³Shahril Talib, op.cit., hal.27.

buat sesuatu. Keesokan harinya beliau terus menepuk bahu pencuri tadi dan barulah pencuri itu dapat keluar serta terus meminta maaf kepada beliau. Sebaliknya beliau hanya menasihati pencuri itu supaya kembali ke jalan benar.

Juga dikatakan setiap kali Baginda Omar datang menemui beliau, Tuk Syeikh Duyung sudah sedia menunggu kedatangan itu walaupun tiada seorang pun memberitahu tentang kedatangan Baginda itu. Baginda Omar sendiri pernah bertanya bagaimana beliau tahu yang baginda akan berangkat, beliau hanya tersenyum sahaja. Di zaman Sultan Zainal Abidin III perkara seumpama itu juga berlaku ke atas baginda.

Ketika Baginda Omar menghantar utusannya meminta beliau sembahyang hajat tolak bala kerana kedatangan kapal terbang "Coquette" dan "Scout" pada November, 1862⁸⁴ beliau telah pun bersembahyang hajat memohon hujan yang lebat. Dengan doa dan sembahyang hajat daripada ulama-ulama lain juga, telah menyebabkan hujan ribut yang kuat turun serta-merta di sekitar Kuala Terengganu. Akhirnya kapalperang dan kapal terbang yang membedil Kuala Terengganu itu terpaksa berundur mencari perlindungan di Pulau Kapas.⁸⁵

⁸⁴ Peristiwa pada November, 1862 membawa kepada pembedilan oleh kapal-kapal perang di bawah arahan Mac Pherson ke atas bandar Terengganu. Serangan berlaku kerana keengganan Baginda Omar menyerah Sultan Muzaffar Shah (Bekas Sultan Lingga) kepada Inggeris untuk dibawa ke Siam. Lihat Buyung Adil, "Sejarah Terengganu", DBP., Kuala Lumpur 1974, hal. 123-125.

⁸⁵ Dikatakan juga oleh kerana ramainya alim ulama bersembahyang hajat minta selamat, di tepi-tepi pantai kelihatan berbaris-baris meriam

Menurut Wan Endut, beliau pernah mendengar cerita-cerita tentang kehebatan Tuk Syeikh Duyung dengan keistimewaan yang ada pada Tuk Syeikh Duyung. Semasa berlakunya persengketaan antara Terengganu dan Besut, beliau berjaya menundukkan pemerintah Besut ketika itu dengan hanya membaca beberapa potongan ayat-ayat Al-Quran sahaja.⁸⁶

yang bergemuruh tembakannya ke arah kapal perang-kapal perang Inggeris tadi tanpa kelihatan sesiapa menjaganya. Antara meriam yang meletup dengan sendirinya bernama " Sri Buih ". Peristiwa ini juga dikenali sebagai " Perang Residen ". Keterangan daripada Haji Mohd. Yusuf bin Taib, Wan Su bin Haji Mohd. Salleh dan Haji Mohammad Salleh bin Haji Awang (MISBAHA). Lihat Mohammad bin Abu Bakar, op.cit., hal.96.

⁸⁶ Wawancara dengan Wan Endut @ Omar bin Haji Embong, op.cit.